

Pamer jenama kita

Harian metro 04/05/2010 MS 37

MSE 2010 di Dubai buka peluang francais Malaysia teroka pasaran Asia Barat

MALAYSIA akan memamerkan sistem francais utamanya sempena Pameran Perkhidmatan Malaysia (MSE) ketiga 2010 di Dubai, bulan depan apabila menyedari peluang selanjutnya memandangkan kesedaran jenama yang semakin meningkat dalam kalangan komuniti multinasional negara Teluk.

Konsul Perdagangan Malaysia di Dubai, Datuk Dzulkifli Mahmud (*gambar*), berkata pameran itu membolehkan francais Malaysia meneroka dan menjalin kerjasama di Asia Barat yang besar dengan Dubai hab utama bagi pe-

rangkaian dan penyumberan.

"Malaysia mempunyai hampir 400 sistem francais dengan 262 daripadanya adalah tempatan manakala selebihnya asing.

"Jenama yang paling utama akan dipamerkan ketika MSE 2010," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pameran yang akan berlangsung dari 13 hingga 5 April itu dianjurkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) diadakan di Dubai International Convention and Exhibition Centre.

Beliau berkata, francais Malaysia dengan operasi anta-



rabangsa terkemuka termasuk dalam sektor pendidikan, fesyen, kasut, aksesori, makanan dan minuman, hotel, penja-

gaan mata, kesihatan dan kecantikan serta perkhidmatan perjalanan.

Francais utama Malaysia seperti Nelson's, Daily Fresh Food, Marry Brown, Kenny Roger's Roaster, Bonia, Clara Network, D'Tandoor, Smart Reader, Juke Box dan World of Feng Shui mempunyai operasi di rantau Teluk.

Menurutnya, francais Malaysia akan menjadi saluran efektif untuk memperkenalkan standard dan nilai-nilai perniagaan negara kepada pasaran Asia Barat dan industri runcit mempunyai potensi pertumbuhan besar.

Katanya, Malaysia adalah sa-

tu daripada rakan dagang paling penting bagi Asia Barat.

"Sebagai contoh, perdagangan kita dengan Emiriah Arab Bersatu, rakan dagangan nombor satu di rantau ini, berjumlah 16.5 bilion dirham ketika tempoh 11 bulan pertama 2009," katanya.

MSE 2010 akan memamerkan keupayaan bertaraf dunia syarikat Malaysia dalam lapan kluster perkhidmatan iaitu perkhidmatan profesional, minyak dan gas, pembinaan, teknologi komunikasi maklumat, penjagaan kesihatan, francais, pendidikan dan latihan khusus dan perkhidmatan kewangan. - Bernama